




Menghargai tanah lembap



PADA 2 Februari setiap tahun, seluruh dunia menyambut Hari Tanah Lembap Sedunia. Tarikh tersebut dipilih bagi memperingati tarikh Konvensyen Ramsar yang ditandatangani pada 1971 di bandar Ramsar, Iran.

Di Malaysia juga tidak terkecuali, hari istimewa tersebut disambut oleh pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Persidangan Ramsar mengenai Tanah Lembap yang Berkepentingan Antarabangsa, terutam sebagai habitat burung air adalah suatu perjanjian antarabangsa yang telah ditandatangani antara kerajaan-kerajaan sebagai rangka kerja memulihara tanah lembap dan potensi alam semula jadinya yang kemudiannya dikuatkuasakan pada 21 Disember 1975.

Sehingga kini, sebanyak 169 negara setuju menandatangani persidangan tersebut yang beribu pejabat di Switzerland. Terdapat 2,293 kawasan tanah lembap dalam senarai dengan keluasan 225,418,823 hektar (ha). Malaysia juga telah menyertai Persidangan

ralat & rawat

Bersama
DR. AHMAD ISMAIL



Siri 55

Ramsar (*Ramsar Convention*) pada 10 Disember 1994. Biasanya tanah lembap ini termasuklah kawasan paya bakau, rumpai laut, terumbu karang dan pelbagai ekosistem yang lain.

Tapak Ramsar Tasik Bera mempunyai keluasan 31,120 ha. Tasik semula jadi terbesar di Malaysia itu terletak kira-kira 70 kilometer (km) dari bandar Temerloh.

Di Johor pula, Tapak Ramsar Tanjung Piai mempunyai keluasan 526 ha dan 400 ha tanah lembut berlumpur. Tanah Lembap Kukup pula berkeluasan (647 ha) dan Sungai Pulai seluas 9,126 ha. Negeri Johor secara umumnya mempunyai kawasan bakau yang luas 18,740 ha yang telah diwartakan pada 1923 lagi.

Taman Negara Tanah Lembap Kuching (KWNP) pula berkeluasan 6,610 ha terletak

30 km dari bandar raya Kuching diwartakan pada 10 Oktober 2002.

Tapak Ramsar Tanah Lembap Hilir Kinabatangan-Segama merupakan kawasan tanah lembap dan perlindungan hidupan liar terbesar di negara ini. Kawasan seluas 78,803 ha ini meliputi kawasan hutan bakau dan paya gambut di pantai timur Sabah. Tapak ini mengandungi tiga kawasan hutan simpan iaitu Hutan Simpan Trusan Kinabatangan seluas 40,471 ha, Hutan Simpan Hidupan Liar Kulamba (20,682 ha) dan Hutan Simpan Kuala Maruap dan Kuala Segama (17,650 ha).

Tapak Ramsar Tanah Lembap Kota Kinabalu (KK Wetlands) pula berkeluasan 24 ha merupakan satu daripada dua kawasan tanah lembap di dunia yang terletak dalam kawasan 10 km dari sebuah bandar.

Perlindungan dan pemuliharaan kawasan tanah lembap terutama kawasan paya bakau menjadi perhatian antarabangsa setelah berlakunya tsunami Aceh pada 26 Disember 2004. Pelbagai persidangan diadakan bagi membincangkan hal berkaitan tanah lembap terutama kawasan pantai.

Tanah lembap mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi dan berperanan penting dalam memberikan perkhidmatan ekosistem seperti sumber makanan, bekalan air, perlindungan daripada ribut, pengawal banjir, pengawal hakisan, penapis air dan penstabil cuaca tempatan.

Tanah lembap juga penting dalam ekonomi seperti perikanan, pertanian, penghasilan kayu balak, sumber tenaga, sumber hidupan liar, pengangkutan, rekreasi serta peluang-peluang pelancongan.

Hutan bakau yang subur penting dalam kehidupan marin untuk pembiakan dan tumbesaran hidupan laut seperti ikan, ketam, kerang dan udang. Struktur akar pokok bakau sesuai untuk menghalang hakisan pantai dan habitat hidupan laut.

Tanah lembap adalah kawasan paya atau berair secara semula jadi atau buatan, sementara atau kekal, mempunyai air mengalir atau statik dan meliputi kawasan air tawar atau pantai yang kedalam semasa air surut tidak melebihi enam meter atau secara amnya kawasan tanah yang ditenggelami air sepanjang masa atau tidak.

PULAU Kukup merupakan pulau bakau kedua terbesar di dunia.

MALAYSIA SUDAH MEMPUNYAI TUJUH TAPAK RAMSAR DI PETA DUNIA

1 Tasik Bera di Pahang yang pertama di Malaysia disenaraikan pada tahun 1994

2 Tanjung Piai (2003)

3 Sungai Pulai (2003)

4 Pulau Kukup di Johor (2003)

5 Tanah Lembap Kinabatangan-Segama (2008)

6 Tanah Lembap Kota Kinabalu, di Sabah (2016) dan

7 Taman Negara Tanah Lembap Kuching di Sarawak (2005).



TAMAN Negara Tanah Lembap Kuching menjadi habitat kepada pelbagai jenis pokok bakau.



TAMAN Negara Tanah Lembap Kuching dijadikan dipilih sebagai tapak Ramsar kelima daripada enam yang terdapat di negara ini pada tahun 2005.